

Misuari dikunjungi isteri dan anak-anak

UM 28 DEC 2001

ISTERI Nur Misuari, Siti Tarhata Ibrahim semalam dibenarkan bertemu suaminya di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur.

Pertemuan selama kira-kira sejam itu turut disertai oleh tiga anak mereka iaitu Nur Redha, 7, Khalid, 4, dan Nur Hata, sembilan bulan. Ia berlangsung dalam suasana penuh kemesraan.

Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Jamil Johari ketika dihubungi mengesahkan pertemuan tersebut.

Siti Tarhata mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana membenarkan beliau dan anak-anaknya berjumpa dengan suaminya sempena Aidilfitri ini.

"Suami saya sihat," katanya sambil memberitahu Misuari juga dihayat dengan baik oleh pihak berkuasa Malaysia.

Nur Misuari, 60, ditahan oleh pihak berkuasa Malaysia 24 November lalu kerana memasuki negara ini secara tidak sah. (■ Berita lanjut muka 2)

● NUR MISUARI bersama isteri dan anak-anaknya di Bukit Aman, semalam.